

1972

54

KUALA LUMPUR, 28 FEBRUARI (BERNAMA) -- BELUM ADA BUKTI YANG MENUNJUKKAN BAHAWA KERAJAAN PUSAT BOLEH DI-KUASAI OLEH LAIN DARIPADA PARTI PERIKATAN.

KETIKA MENYATAKAN INI DR. MAHATHIR MOHAMED BERPENDAPAT SISTEM GABONGAN UMNO-MCA-MIC YANG DI-AMALKAN OLEH PARTI PERIKATAN MASEH MEMPUNYAI HARAPAN MENERIMA SOKONGAN DARI KEBANYAKAN RA'AYAT.

BELIAU BERCHAKAP MENGENAI +PARTI POLITIK MALAYSIA+ KAPADA 83 BAKAL 2 PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK YANG SEDANG MENGIKUTI KURSUS LATEHAN ASAS SA-LAMA ENAM MINGGU DI-DEWAN LATEHAN PEGAWAI 2 KERAJAAN DI-PETALING JAYA HARI INI.

KATA-NYA, +PARTI YANG BERJAYA DI-MALAYSIA IA-LAH PERIKATAN. JAYA-NYA PERIKATAN IA-LAH KERANA MEREKA MENERIMA KENYATAAN.+

MENURUT BELIAU PERIKATAN TELAH CHUBA JUGA MENYEDIAKAN DIRI UNTUK MASA DEPAN DI-MANA PERKAUMAN TIDAK BEGITU KUAT. -- BERSAMBONG 1853/ZCM

620:

POLITIK 2 KUALA LUMPUR

BELIAU BERPENDAPAT DENGAN ADA-NYA PARTI PERIKATAN MENGAMALKAN KEAHLIAN TERUS, PERIKATAN MENJADI PARTI POLITIK YANG SESUAI BAGI SEMUA MASA DAN KEADAAN.

BERIKUT IA-LAH PENDAPAT DR. MAHATHIR TERHADAP PARTI 2 POLITIK LAIN:

PARTI PROGRESIF RA'AYAT IA-LAH PARTI REGINAL DAN POLITIK-NYA IA-LAH POLITIK ANTI - ATAU NEGATIF - MENENTANG BERBAGAI KEADAAN DENGAN MENGGUNA SENTIMEN DAN MEMBUTAKAN MATA TERHADAP KENYATAAN 2 DI-MALAYSIA.

PARTI INI TELAH BERTANDING DALAM TIGA PILEHANRAYA DAN SEDIKIT SEBANYAK TELAH MENCAPAI KEJAYAAN. PEMIMPIN-NYA SEKARANG LEBEH MODER SAHINGGA DAPAT PARTI ITU MENGANJORKAN PEMILEHAN KETUA PEMBANGKANG DALAM DEWAN RAAYAT DARI PARTI YANG PATUT MENJADI MUSOH-BESAR-NYA (PEMIMPIN PAS DATO MOHAMAD ASRI BIN HJ. MUDA).

SELAGI IPOH DAN SEKITAR-NYA MERUPAKAN IPOH SEKARANG PARTI INI AKAN KEKAL.

+ PARTI TINDAKAN DEMOKRATIK SAPERTI PPR HIDUP DAN SUBOR ATAS DASAR NEGATIF. KEMENANGAN DAP DALAM DEWAN RAAYAT TIDAK BAGITU BERMAKNA DI-DEWAN 2 UNDANGAN NEGERI. GERAKAN RAKYAT YANG MEMANG KURANG DARI DAP DALAM DEWAN RAAYAT TELAH BERJAYA MENAWANSABUAH NEGERI

POLITIK 3 KUALA LUMPUR

PENYOKONG2 DAP SEMAKIN FAHAM DENGAN KENYATAAN BAHAWA DAP TIDAK DAPAT MENAWAN MANA2 NEGERI DAN FAHAMAN INI MEMBAWA KEPADA PERPECAHAN DI-ANTARA WAKIL2 RAAYAT DAP DAN PENYOKONG2 MEREKI.

+TIDAK ADA BOKTI YANG MENUNJOKKAN BAHAWA DAP AKAN DAPAT KEJAYAAN YANG LEBEH DI-MASA2 YANG AKAN DATANG.+

PARTI ISLAM ADA TAPAK-NYA DI-KELANTAN DAN TIDAK ADA TANDA2 YANG TAPAK INI DAPAT DI-PECAH OLEH LAIN2 PARTI.

PARTI GERAKAN RAKYAT MALAYSIA DI-KATAKAN BUKAN PARTI PERKAUMAN TETAPI PERASAAN PERKAUMAN MASEH ADA DI-KALANGAN PEMIMPIN IAN AHLI,

PEKEMAS (PARTI KEADILAN MASHARAKAT) BUKAN PARTI BARU TAPI CHUMA KENDERAAN POLITIK BARU BAGI AHLI2 POLITIK YANG TELAH HILANG PENGAROH,

BELIAU JUGA BERPENDAPAT ALIRAN YANG DI-AMALKAN OLEH PERIKATAN IA-ITU MENGADAKAN KERAJAAN CHAMPORAN SAPERTI DI-PULAU PINANG AKAN DI-TERUSKAN.

+ALIRAN INI SEDIKIT SEBANYAK AKAN MENGUBAH DASAR PERIKATAN,+ KATA-NYA. - BERSAMBONG 1903/BW

622:

POLITIK 4 KUALA LUMPUR

MENURUT-NYA, KALAU DI-PULAU PINANG DAN SARAWAK PERIKATAN MENERIMA SUPP DAN GERAKAN, MAKA PARTI PERIKATAN MUNGKIN AKAN MENERIMA PAS PULA (DI-KEDAH, PERLIS DAN TRENGGANU).

DR. MAHATHIR JUGA BERKATA PARTI2 POLITIK MALAYSIA TIDAK TERSUSUN SUPAYA SISTEM DUA PARTI UJUD. PEMBAHAGIAN PENGUNDI JUGA TIDAK MEMBOLEHKAN SISTEM DUA PARTI UJUD DI-NEGARA INI.

KATA-NYA, DALAM KEADAAN SAPERTI INI BAHAYA-NYA IA-LAH SEMUA PARTI AKAN BAGITU LEMAH SAHINGGA TIDAK SATU PARTI PUN YANG BOLEH MENDIRIKAN KERAJAAN YANG KUAT.

KALAU MALAYSIA TIDAK MENGALAMI KUCUAR KACHIR AKIBAT KERAJAAN YANG LEMAH, INI IA-LAH OLEH KERANA SUNGGOH PUN TIDAK ADA SISTEM DUA PARTI, MASEH ADA SATU PARTI YANG CHUKOP KUAT UNTOK MENUBOHKAN KERAJAAN YANG DI-HORMATI OLEH SEMUA PEHAK. - BERNAMA 1907/BW